



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KEMBARA SAINS BORNEO TAHUN 2024 : PERKASA AGENDA STI NEGARA KE SABAH DAN SARAWAK

Lahad Datu, 2 Ogos 2024 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) membawa pengalaman pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pameran interaktif dan aktiviti sains yang menyeronokkan bagi memperkasa agenda STEM negara.

Berucap di Majlis Perasmian Kembara Sains Borneo Tahun 2024 (KSB 2024), Timbalan Menteri MOSTI, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal, menyatakan bahawa MOSTI sentiasa melaksanakan pelbagai program dan inisiatif berteraskan rangka kerja Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN) 2021 – 2030 bagi memperkukuh dan memantap peranan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sebagai asas dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Tambahnya lagi, MOSTI serius dalam usaha merakyatkan sains di kalangan masyarakat Malaysia. Antaranya membawakan pengalaman penerokaan dan pembelajaran STEM kepada masyarakat setempat, dengan tujuan untuk meningkatkan minat, pemahaman dan kemahiran dalam bidang ini. Agenda ini bertujuan untuk memupuk potensi serta melahirkan lebih ramai individu berpengetahuan dalam bidang STI yang amat diperlukan dalam merealisasikan pembangunan negara ke arah negara berteknologi tinggi pada masa hadapan.

Penganjuran KSB 2024 di bawah inisiatif Minggu Sains Negara (MSN), MOSTI melalui Pusat Sains Negara (PSN) membawakan pengalaman pembelajaran sains bukan formal yang menyeronokkan khusus untuk komuniti di Sabah dan Sarawak. KSB 2024 dianjurkan secara bersama oleh PSN, MOSTI dengan kerjasama padu rakan-rakan strategik yang terdiri daripada agensi Kerajaan dan swasta serta rakan penaja utama program, iaitu Hibiscus Petroleum Berhad.

Kerjasama strategik antara Pusat Sains Negara dan Hibiscus Petroleum Berhad mencerminkan dedikasi dan komitmen sektor swasta dalam menyokong inisiatif kerajaan untuk menyemarakkan pembudayaan sains, teknologi, dan inovasi (STI) dalam kalangan masyarakat Malaysia. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara sektor awam dan swasta, tetapi juga membuka peluang baru dalam pendidikan sains dan teknologi. Dengan sokongan ini, lebih banyak program interaktif dan pameran inovatif dapat dianjurkan, memberikan pengalaman

pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna kepada rakyat. Ini sekaligus meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap kepentingan STI dalam memacu kemajuan negara

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Sains Negara, Encik Mohammad Fuad Rahman berkata Kembara Sains merupakan Program Khas PSN yang telah dilaksanakan sejak 2015. Ia adalah platform bagi PSN mendekati pelajar dan komuniti di kawasan luar bandar. Tujuan program pembudayaan ini adalah untuk memupuk minat masyarakat dalam bidang STEM melalui kaedah pembelajaran interaktif dan kreatif.

Katanya lagi, istimewanya KSB 2024 akan menjelajah ke sepuluh (10) daerah di Sabah bermula di Lahad Datu melalui Kinabatangan dan Ranau dan berakhir di Kota Kinabalu. Selepas itu, KSB 2024 akan meneruskan pengembaraan ke lima (5) buah daerah di Sarawak bermula di Miri dan berakhir di Kuching. Pengembaraan ini melibatkan lebih 20 sekolah terpilih dan beberapa sekolah lain sebagai lokasi persinggahan dengan anggaran peserta yang menerima manfaat adalah seramai 15,000 orang.

“Melalui program ini, PSN akan melaksanakan pelbagai aktiviti interaktif yang menarik berkonsepkan *Hands On, Minds On, Hearts On* selaras dengan usaha memperkenalkan pembelajaran sains bukan formal kepada masyarakat.”

“Antara aktiviti yang akan diadakan sepanjang penjelajahan KSB 2024 adalah sesi Ceritera Sebalik Radas daripada saintis-saintis terkenal, Kinect Sports, Drone Challenge, Demonstrasi Sains, Let's Xperiment, STEM Challenge, Mini Planetarium, Planet Virtual Reality dan banyak lagi. Pelbagai hadiah menarik juga akan disediakan.”

Selain daripada itu, PSN juga akan mengadakan program sampingan ke sekolah-sekolah terpilih di lokasi KSB 2024. Melalui program sampingan ini, PSN mencetuskan perasaan ingin tahu kepada pelajar dan guru seterusnya dapat memberikan keseronokan penerokaan sains bersama-sama. Antara aktiviti yang akan diadakan adalah Persembahan Sains dan Aktiviti Sains Ringkas.

Majlis pelancaran KSB 2024 turut dihadiri oleh YBrs. Puan Ruziah Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI, YB Datuk Mohd. Hanafiah Mohd Kassim, Setiausaha Tetap, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, YBrs. Encik Mohammad Fuad Rahman, Pengarah Pusat Sains Negara dan YBrs. Encik Zainul Rahim Mohd Zain, Pengerusi Hibiscus Petroleum Berhad.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

2 SEPTEMBER 2024

Kit Media :

<https://drive.google.com/drive/folders/1miC6om8yV65nG1stn7X6oR5ee-qCifbG?usp=sharing>

Maklumat Lanjut :

YM Tengku Mohd Hazimi Bin Tuan Hassan (011-25045047)

Penolong Pengarah

Unit Pendidikan

PUSAT SAINS NEGARA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Hafizah Kher (017-2156862)

Penolong Pengarah

Unit Komunikasi Korporat

PUSAT SAINS NEGARA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my

SENARAI LALUAN KSB 2024

BIL	LOKASI / DAERAH / TEMPAT	TARIKH
1.	Lahad Datu – Flag Off pada 2 Ogos 2024 di Dewan Sri Perdana Lahad Datu, Sabah	1-2 Ogos 2024
2.	Kinabatangan	5-6 Ogos 2024
3.	Sandakan	7-8 Ogos 2024
4.	Telupid	9 Ogos 2024
5.	Ranau	12-13 Ogos 2024
6.	Kota Belud	14 Ogos 2024
7.	Tuaran	15 Ogos 2024
8.	Kinarut	16 Ogos 2024
9.	Papar	19-20 Ogos 2024
10.	Kota Kinabalu	21-22 Ogos 2024
11.	Miri	2-3 September 2024
12.	Bintulu	5-6 September 2024
13.	Sibu	9 September 2024
14.	Sri Aman	10-11 September 2024
15.	Kuching	12 September 2024

SENARAI AKTIVITI

Pelbagai booth pameran menarik daripada jabatan/ agensi kerajaan dan swasta seperti Pusat Sains Negara, Planetarium Negara, Nuklear Malaysia, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Kimia Sabah, Hibiscus Petroleum Berhad, Petrosains, Taman-Taman Sabah dan banyak lagi.

Pameran Interaktif PSN

Pameran interaktif merupakan bahan pameran modular berkonsepkan interaktif dibawa sepanjang program seperti ilusi optik, Soma Cube, Cubelets, Paper Airplane Launcher, Spherobot dan pelbagai lagi.

Sesi perkongsian ilmu

Sesi perkongsian ilmu oleh saintis-saintis terkenal di Sabah dalam sesi Cerita Sebalik Radas (*STEM Talk*). Sesi ini mengetengahkan saintis-saintis terkenal Sabah yang bakal memberikan pelbagai tips dan ilmu yang berguna untuk dimanfaatkan oleh para pelajar.

STEM Challenge

STEM Challenge merupakan aktiviti berkonsepkan STEM bertujuan pendedahan kepada pengunjung mengenai aplikasi STEM dalam berbentuk cabaran dan teka-teki. Antara aktiviti disediakan seperti magic shape, puzzle, inertia ring, mind teaser, topology dan banyak lagi.

Kinect Sport

Kinect sport merupakan salah satu aktiviti berbentuk pameran yang dibawa untuk memberi pendedahan kepada pengunjung tentang aplikasi Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM). Kinect Sport membawa pengalaman kepada pelajar untuk merasai sendiri pengalaman bermain permainan video berteknologi tinggi terkini. Permainan ini menggabungkan fungsi projektor inframerah dan kamera yang boleh mengesan pergerakan sesuatu objek, seterusnya memindahkan pergerakan objek tersebut kedalam skrin. Modul permainan video yang berbentuk sukan seperti bowling dan perlumbaan kereta merupakan antara aktiviti yang ditawarkan sepanjang program berlangsung.

Demonstrasi Sains

Demonstrasi Sains iaitu pertunjukan yang mengujakan oleh Pusat Sains Negara (PSN) di mana fenomena sains yang menarik dalam kehidupan seharian diterangkan dalam bentuk ujikaji ringkas dan menyeronokkan

Science Mall

Pameran dan aktiviti sains melibatkan penyelesaian biologi, fizik, kimia dan kreativiti mengikut aktiviti yang disediakan.

Mini Planetarium

Mini Planetarium merupakan panggung wayang mini dengan skrin berbentuk kubah (semi-bulatan) yang boleh memuatkan seramai 15-20 orang penonton pada satu-satu masa (mengikut SOP penjarakan sosial). Mini Planetarium ini menayangkan filem pendek bertemakan astronomi / angkasa lepas dengan durasi antara 5-10 minit. Antara tajuk-tajuk filem pendek yang akan ditayangkan ialah:

- (i) Astronaut
- (ii) Molecularium
- (iii) Journey to the Center of Milky Way

Planet Virtual Reality (VR)

Planet VR merupakan aktiviti di mana para pengunjung merasai pengalaman menjelajah sistem suria secara imersif dalam persekitaran indoor yang selesa dengan menggunakan VR Box dan dibantu dengan peralatan harian seperti telefon bimbit.

Cerapan Matahari

Pencerapan Matahari ialah aktiviti pencerapan pada waktu siang menggunakan teleskop khas Matahari CORONADO jenis pembiasan bagi memberikan pengalaman kepada pengunjung untuk meneliti aktiviti-aktiviti permukaan Matahari pada waktu siang.

SENARAI SEKOLAH YANG AKAN TERLIBAT SEPANJANG KSB 2024**SABAH**

Sekolah Hub	Sekolah Transit	Daerah
5 Ogos 2024 Sekolah Kebangsaan Kota	6 Ogos 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Garam	Kinabatangan
7 Ogos 2024 Sekolah Kebangsaan Batu 16 Gum Gum	8 Ogos 2024 Sekolah Kebangsaan Sungai Tiram	Sandakan
9 Ogos 2024 Sekolah Kebangsaan Telupid	-	Telupid
12 Ogos 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Lohan Ranau	13 Ogos 2024 Sekolah Kebangsaan Matupang Jaya	Ranau
14 Ogos 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Tambulion, Kota Belud	-	Kota Belud
15 Ogos 2024 SK Sungai Damit	-	Tuaran
16 Ogos 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Kinarut	-	Kinarut
19 Ogos 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Pengalat	20 Ogos 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan St Joseph Papar	Papar

21 Ogos 2024	22 Ogos 2024	Kota Kinabalu
Sekolah Menengah Kebangsaan Inanam Kota Kinabalu	Sekolah Kebangsaan Saint Kota Kinabalu	

SARAWAK

Sekolah Hub	Sekolah Transit	Daerah
2 September 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Merbau Miri	3 September 2024 Sekolah Kebangsaan Tudan Miri	Miri
5 September 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Bintulu	6 September 2024 Sekolah Kebangsaan Kidurong	Bintulu
9 September 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hua Sibu		Sibu
10 September 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Aman	11 September 2024 Sekolah Kebangsaan Pantu Sri Aman	Sri Aman
12 September 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan Matang Hilir Kuching		Kuching